

25 MAR 2003

Koh-Usul

PULAU PINANG SOKONG USUL BANTAH TINDAKAN KETENTERAAN KE ATAS IRAQ

PULAU PINANG, 25 Mac (Bernama) -- Kerajaan Pulau Pinang hari ini menyokong penuh pendirian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membantah tindakan ketenteraan secara unilateral oleh Amerika dan sekutunya ke atas Iraq.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata Kerajaan negeri termasuk barisan Exco, anggota dewan undangan negeri dan penduduk Pulau Pinang menyokong penuh usul yang dibentangkan Dr Mahathir, yang diluluskan sebulat suara, di Dewan Rakyat semalam.

Usul itu menunjukkan keazaman kerajaan membantah peperangan dan keganasan, katanya semasa merasmikan perbarisan sempena sambutan Hari Polis ke-96 di Balai Polis Tanjung Tokong di sini.

Usul Dr Mahathir itu turut menerima sokongan padu pembangkang selepas dibahas oleh 13 anggota.

Koh berkata penduduk negeri ini perlu berganding bahu dengan pasukan keselamatan bagi memastikan suasana aman dapat terus dinikmati oleh generasi akan datang.

"Kita tiada pilihan melainkan bekerjasama dengan polis untuk menjamin keselamatan dan keamanan demi masa depan generasi muda," katanya.

Usaha menjaga keamanan bukan terletak di bahu anggota polis sahaja tetapi penduduk negeri ini perlu bersama-sama membanteras kejadian jenayah, katanya.

Pada majlis itu Koh juga menyampaikan sumbangan RM10,000 kepada Kelab Polis Daerah Timur Laut bagi membolehkan kelab itu menjalankan kegiatannya.

Sumbangan itu disampaikan kepada Ketua Polis Daerah itu SAC II Wahab Ahmad.

Dr Koh juga menyampaikan surat penghargaan kepada lima orang awam yang membantu polis membanteras kejadian jenayah.

-- BERNAMA

NH LAT